

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Dr. Saedah Siraj dan Dr. Wong Seet Leng selaku penyelia yang membimbing, memberi tunjuk ajar dan berkongsi kepakaran serta maklumat bagi menyempurnakan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada panel-panel penilaian yang meluangkan masa untuk membaca dan memberi komen yang membina. Pandangan dan komen panel-panel penilaian telah membantu saya untuk meneliti kajian ini dengan lebih mendalam.

Terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada tiga orang pensyarah dan sembilan orang pelajar yang sudi menjadi peserta kajian ini, termasuk pelajar daripada ketiga-tiga kelas. Kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa kerjasama dan sokongan kalian semua.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas kepada Universiti Teknologi MARA terutamanya Profesor Madya Dr. Normah, selaku Dekan Fakulti Akademi Pengajian Bahasa dan ahli-ahli jawatankuasa akademik yang membenarkan saya mengambil cuti belajar bergaji penuh untuk menjalankan kajian ini. Di samping itu, bantuan dan sokongan rakan setugas daripada Unit Bahasa Mandarin semasa kajian ini dijalankan amat saya hargai.

Saya amat berterima kasih kepada kawan-kawan yang meneman dan memberi galakkan kepada saya dalam perjalanan untuk menyiapkan kajian ini berseorangan. Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada ahli keluarga saya yang sentiasa menyokong, memahami dan mendoakan kejayaan saya sepanjang masa kajian ini dijalankan.

Tesis ini didedikasikan kepada ahli keluarga saya, khususnya ibu bapa saya.